

Headline **Pencemaran bunyi pasar raya tinggi**  
Date **22. Sep 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **16**  
Section **Nasional** Article Size **189** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**  
AdValue



# Pencemaran bunyi pasar raya tinggi

**K**UALA LUMPUR: Lebih 100 pusat beli-belah sekitar Lembah Klang didapati menghasilkan bunyi bising hingga melebihi paras 90 desibel (dBA) yang menyamai pencemaran bunyi lalu lintas pada waktu puncak.

Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) setiap tahun itu mendapati pencemaran

bunyi yang berlaku di pusat beli-belah berkenaan boleh menjejaskan pendengaran terutama kanak-kanak.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Prof Madya Dr Mariah Adam, berkata tiada undang-undang khusus untuk melindungi orang ramai terhadap tahap bunyi bising yang dihasilkan

pusat beli-belah.

"Dalam kajian dilakukan tahun lalu, ada pusat membeli belah di Puchong yang menghasilkan bunyi bising melebihi 120 dBA dan kebanyakan yang berada di situ ialah kanak-kanak," katanya kepada *Berita Harian*, di sini.

Beliau berkata, berdasarkan kajian sebelum ini, jika

seseorang terdedah kepada paras bunyi melebihi 90 dBA secara berterusan selama lapan jam setiap hari, mereka mungkin hilang pendengaran seperti pekerja kilang yang menggunakan mesin dan mendengar muzik di disko.

Katanya, bagi mereka yang terdedah kepada bunyi seku-

rang-kurangnya 70 dBA boleh berasa tertekan, tidak selesa dan mengganggu pertuturan serta tidur.

Mariah berkata, UPM juga pernah menjalankan kajian pada 2003 mendapati tahap bunyi bising dihasilkan di kelab malam dan disko di negara ini yang paling tinggi di dunia iaitu hingga 115 dBA.